AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : LOKAL

HARI JURURAWAT 2022

# Jasa pemberi sinar harapan

Kuala Lumpur

Bukan mudah menggalas tanggungjawab berkhidmat dalam sektor kesihatan, antaranya sebagai jururawat kerana kerjaya dianggap mulia itu menuntut pengorbanan luar biasa.

Selain pengorbanan masa dan tenaga dalam membantu doktor mengurus pesakit, jururawat yang kerap berdamping dengan pesakit ibarat pemberi sinar serta harapan baharu untuk mereka yakin pulih seperti sedia kala.

Tugas jururawat semakin getir sepanjang dua tahun negara berdepan pandemik Covid-19 sebelum fasa peralihan ke endemik pada 1 April 2022.



PENGORBANAN dan komitmen tinggi jururawat ditunjukkan ketika negara bergelut dengan penularan koronavirus.

### ANAK KECIL HILANG INSAN TERSAYANG

Bagi Ketua Jururawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah, Mazura Zulkeflee, 40, bertugas ketika negara bergelut memerangi penularan Covid-19 begitu mencabar dan sukar untuk dilupakan.

"Saya bertugas menjaga pesakit Covid-19 kerana kekangan petugas pada waktu itu. Sudah pasti kami semua dalam keadaan tertekan dan lesu upaya. Tidak dinafikan saya sendiri sentiasa menangis seorang diri ketika memandu dalam perjalanan ke tempat kerja," katanya.

Menurut ibu kepada empat orang cahaya mata ini, antara tugas beliau setiap hari ialah menghantar data pesakit Covid-19 di ICU.

"Rutin saya perlu membuat panggilan video kepada ahli keluarga pesakit yang menemui ajal akibat virus itu tidak kira waktu sama ada jam 2 atau 3 pagi.

"Sungguh meruntun jiwa saya ketika panggilan video dibuat melihat anak kecil pesakit yang masih tidak mengerti apa-apa bahawa insan penting dalam kehidupan mereka sudah pergi buat selama-lamanya," katanya.

Mazura yang mengakui pada mulanya memilih karier jururawat disebabkan gaji ditawarkan berkata, lama-kelamaan beliau mula jatuh cinta dengan kerjaya berkenaan.

Perasaan belas serta kasihan terhadap pesakit jagaannya membuatkan beliau komited dengan tugas dan sentiasa mengharapkan agar seberat mana sekali pun penyakit yang ditanggung, mereka akan pulih.

> *Sungguh meruntun jiwa saya ketika panggilan video dibuat melihat anak kecil pesakit yang masih tidak mengerti apa-apa bahawa insan penting dalam kehidupan mereka sudah pergi buat selama-lamanya"*
>
> **Mazura**

Malah, pengalaman menjaga pesakit Covid-19 masih meruntun perasaannya sehingga kini. Pesakit wanita itu berusia 50-an dan sudah berkahwin sebelum itu boleh bercakap dan berbual elok namun akhirnya meninggal dunia.

### KATIL PADAT

Menurut Mazura, ketika Malaysia dilanda ledakan kes Covid-19 yang tinggi, ia memberi kesan hebat kepada penggunaan wad di hospital itu dengan menyaksikan katil di hospital penuh dengan pesakit dijangkiti virus corona (SARS-CoV-2) itu.

"Katil usah cakap memang padat walaupun dalam wad ICU antara wad yang mempunyai katil tambahan ketika itu.

"Ketika rumah mayat tiada lagi dapat menampung jenazah, banyak yang di wad ICU terpaksa ditangguh untuk dibawa turun ke rumah mayat. Jadi jenazah atau mayat sentiasa ada memenuhi ruang di wad ini," katanya yang sudah berkhidmat selama 15 tahun sebagai jururawat. Beliau yang baru berkhidmat dua tahun di Hospital Sultanah Bahiyah sebelum itu bertugas di Hospital Kuala Lumpur (HKL) lapan tahun dan Hospital Sultan Abdul Halim (Kedah) selama lima tahun.

Kongsi Mazura lagi, selain tempoh menunggu urusan jenazah dihantar ke bilik mayat, petugas di wad berdepan cabaran lain.

Antaranya urusan pemindahan pesakit dari hospital lama ke wad ICU selain pengunaan ambulans yang sentiasa penuh.

Biarpun kini kes jangkitan Covid-19 semakin menurun, Mazura berkata, masyarakat tidak boleh alpa dan perlu mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) serta penjagaan kendiri.

"Jangan pentingkan diri sendiri. Jika anda ada gejala atau rasa tidak sihat, elak berjumpa orang lain. Cara ini boleh mengelak jangkitan jika positif Covid-19.

"Pesanan saya walaupun kerajaan beri kelonggaran bagi pemakaian pelitup muka, seeloknya diteruskan sahaja kerana ia penting untuk memutuskan rantaian Covid-19," katanya.

### MEMORI SUKAR DILUPAKAN

Sementara itu, Nuurul Asiah Majid, 36, yang bertugas di wad ICU, Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani berkata, beliau memilih kerjaya itu kerana desakan ibunya.

Bagaimanapun, setelah 12 tahun berkhidmat sebagai jururawat, beliau yang mempunyai seorang cahaya mata mengakui wujud dalam sanubarinya rasa komitmen yang menebal selepas menempuh pelbagai pengalaman serta bertemu pelbagai lapisan masyarakat.

Bercerita detik paling sukar bertugas di ICU ketika wabak Covid-19, Nuurul Asiah berkata, tidak terjangkau dek fikirannya virus itu boleh meragut banyak nyawa di Malaysia juga di seluruh dunia.

"Sebagai jururawat berhadapan dengan situasi pandemik Covid-19, sudah tentu keadaan lebih mencabar bagi mereka yang bertugas di ICU berbanding wad biasa.

"Kami perlu bersedia dan peka terhadap setiap perubahan pada pesakit dari segi tanda vital pesakit seperti tekanan darah, pernafasan, bacaan jantung pada setiap minit dan jam memandangkan kebanyakan pesakit di ICU adalah kritikal.

"Sebarang kemungkinan boleh berlaku pada pesakit di ICU walaupun pada awal kemasukan pesakit stabil, " katanya.

Menurut Nuurul Asiah, beliau tidak menyesal memilih kerjaya jururawat kerana di sebalik tekanan serta pengorbanan, ilmu pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi semasa memulihkan pesakit yang ditempatkan di ICU adalah sesuatu yang tidak ternilai.

"Nikmat kepuasan sebenar apabila melihat pesakit terbaring lesu pada awal kemasukan akhirnya sembuh dan dapat kembali ke pangkuan keluarga," katanya.

> *Nikmat kepuasan sebenar apabila melihat pesakit terbaring lesu pada awal kemasukan akhirnya sembuh dan dapat kembali ke pangkuan keluarga"*
>
> **Nuurul Asiah**

"Jujur saya katakan saya takut pada mulanya apabila ditugas merawat pesakit Covid-19. Ditambah pula pada waktu itu kes semakin meningkat dan banyak wad biasa terpaksa dibuka menjadi wad Covid-19," katanya.

Beliau dan rakan-rakannya sentiasa berasa bersyukur kerana berjaya melaksanakan tanggungjawab.

### TERUS AMALKAN SOP

Biarpun masyarakat diberi pilihan dan kelonggaran dalam mencegah penularan Covid-19 namun ia tidak boleh dipandang sebelah mata kerana dunia masih kekal hidup bersama dengan virus ini.

Pada 27 April lepas, Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin mengumumkan beberapa kelonggaran langkah kawalan dan pencegahan Covid-19 berkuatkuasa 1 Mei antaranya pemakaian pelitup muka di luar bangunan akan menjadi pilihan bukan lagi satu kewajipan selain tidak wajib mengimbas aplikasi MySejahtera untuk memasuki premis.

Dalam soal ini, jururawat Norlita Md Nor, 40, berharap masyarakat terus mengamalkan SOP ditetapkan kerajaan.

Norlita yang juga petugas di wad ICU, Hospital Sultanah Bahiyah itu berkata, kesabaran kunci utama yang perlu dimiliki setiap jururawat.

"Ini kerana jururawat perlu kawal emosi tidak kira masa kerana di dalam ICU, pesakit kebanyakan yang berada pada tahap kritikal dan apa sahaja boleh berlaku secara tiba-tiba. Di wad ini, kami perlu pantau keadaan pesakit pada setiap jam. Jika ada yang tidak normal, kami perlu segera maklumkan kepada doktor," katanya yang sudah 16 tahun bergelar jururawat.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

# 2,605 kes baharu Covid-19, 2,014 pesakit sembuh

**PUTRAJAYA** – Jangkitan Covid-19 kelmarin merekodkan sebanyak 2,605 kes, menjadikan jumlah keseluruhan kes di Malaysia sebanyak 4,463,740.

Berdasarkan data pada laman web *COVIDNOW*, daripada kes yang dilaporkan, terdapat empat kes import mendapat jangkitan dari luar negara.

Dalam masa sama, sebanyak 2,014 kes sembuh direkodkan dengan jumlah keseluruhan kes sembuh daripada Covid-19 sebanyak 4,405,197.

"Kesemua kes harian tersebut dilaporkan di Selangor (1,126 kes), Kuala Lumpur (327 kes), Negeri Sembilan (195 kes), Pulau Pinang (174 kes), Melaka (127 kes), Johor (126 kes), Kedah (120 kes) dan Perak (120 kes).

"Seterusnya, Sarawak (74 kes), Pahang (46 kes), Kelantan (43 kes), Terengganu (40 kes), Sabah (39 kes), Putrajaya (25 kes), Labuan (15 kes) dan Perlis (lapan kes)," demikian maklumat tersebut di sini semalam.

Selain itu, enam kes kematian Covid-19 dilaporkan menjadikan jumlah kematian terkini sebanyak 35,590 kes serta tiga kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID) dengan jumlah kes BID 7,536 kes.

Sebanyak 22,953 kes aktif dilaporkan melibatkan 21,612 kes dikuarantin di rumah, 24 kes di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC), 1,250 kes di hospital, 29 kes di Unit Rawatan Rapi (ICU) tanpa bantuan pernafasan dan 38 kes di ICU dengan bantuan pernafasan.



SEKUMPULAN kanak-kanak bermain di taman permainan di Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur baru-baru ini.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

# Jangkitan HFMD di Terengganu meningkat 783 kes

**HULU TERENGGANU** – Penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) di Terengganu mencatatkan peningkatan ketara kepada 783 kes sejak awal tahun tahun ini.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, ia merupakan kenaikan mendadak berbanding cuma 95 kes sama yang dicatatkan di seluruh negeri ini dalam tempoh sama tahun lalu.

"Rata-rata kes HFMD yang melibatkan kanak-kanak berusia enam tahun ke bawah itu berlaku di taska dan tadika.

"Setakat ini, sebanyak 19 taska dan tadika di seluruh Terengganu telah terkesan dengan wabak ini sejak awal tahun ini," katanya selepas merasmikan program Gerak Gempur Cakna Ubat di sini semalam.

Ujarnya, lima taska dan tadika terbabit terletak di Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu, Besut dan Kemaman.

Sehubungan itu, beliau menggesa pengendali taska dan tadika serta ibu bapa mengambil cakna dan menekankan langkah-langkah pencegahan bagi mengelakkan penyebaran HFMD dalam kalangan kanak-kanak.

"Kita agak leka disebabkan HFMD kurang diperkatakan sepanjang tempoh pandemik.

"Ibu bapa tidak sepatutnya menghantar anak mereka yang bergejala (HFMD), manakala pengendali taska pula berhak menolak," katanya.

Kasemani berkata, pengusaha taska dan tadika juga perlu melakukan sanitasi premis dan barang permainan dengan kerap.

Ujar beliau, ia bertujuan bagi memastikan virus HFMD tidak berada di dalam persekitaran premis berkenaan.

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 16**
**RUANGAN : SUARA SINAR**

# Tiga hari lagi peluang suntik vaksin percuma



ANALISIS MUKA 16

SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

Berbaki tiga hari lagi buat ibu bapa mendapatkan vaksin Covid-19 untuk anak-anak menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) secara percuma.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar sebelum ini mengumumkan, selepas 15 Mei iaitu pada Ahad ini, suntikan vaksin kepada kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun dikenakan bayaran dan jenis diberikan ialah Sinovac.

Berdasarkan data menerusi laman web *covidnow.moh.gov.my* sehingga Rabu, jumlah kanak-kanak yang sudah divaksin di seluruh negara ialah sekitar 44 peratus melibatkan sekurang-kurangnya satu dos, manakala 27 peratus bagi dua dos. Jumlah itu bersamaan lebih 1.5 juta kanak-kanak di Malaysia yang telah menerima vaksin setakat ini di mana lebih 800,000 daripadanya sudah lengkap menerima dua dos suntikan.

Jika dihitung, jumlah itu masih kecil berbanding bilangan keseluruhan empat juta kanak-kanak yang layak menerima vaksin di seluruh negara.

Angka turut menunjukkan penerima vaksin kanak-kanak paling rendah ialah di Kelantan dengan 14 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos dan tujuh peratus menerima dua dos, manakala kanak-kanak paling ramai menerima vaksin ialah di Sarawak sebanyak 83 peratus bagi yang menerima sekurang-kurangnya satu dos dan 58 peratus bagi dua dos.

Isu berkenaan turut mendapat perhatian kerajaan negeri Pulau Pinang. Ketua Menteri, Chow Kon Yeow melahirkan kebimbangan terhadap sambutan PICKids apabila hanya 49.5 peratus kanak-kanak di negeri itu menerima sekurang-kurangnya satu dos suntikan dan 38 peratus bagi dua dos sehingga 8 Mei lalu.

Beliau sehubungan itu menggesa agar ibu bapa mengambil peluang mendapatkan vaksin untuk anak-anak sementara kosnya masih di bawah tanggungan kerajaan.

Di negeri jelapang padi yang penulis menetap ketika ini, jumlah kanak-kanak sudah divaksin juga masih rendah. Pengarah Kesihatan Kedah, Dr Othman Warijo memberitahu, hanya 29 peratus kanak-kanak telah menerima sekurang-kurangnya satu dos dan 19 peratus lengkap dua dos sehingga 8 Mei lalu.

Tidak dinafikan, sebagai ibu bapa, sudah tentu bimbang apabila kanak-kanak seawal usia lima tahun dicucuk vaksin Covid-19. Disebabkan mendengar pelbagai berita tular daripada sumber tidak sahih tentang kesan suntikan, ada antara ibu bapa masih ragu-ragu untuk memberikan vaksin kepada anak-anak.

Penulis sendiri gementar membawa dua anak berusia tujuh dan 12 tahun ke PPV bagi mendapatkan vaksin kali pertama, Februari lalu.

Mengimbau kembali, anak sulung penulis kelihatan 'gabra' ketika pemeriksaan saringan Covid-19 semasa perumahan kami di Amanjaya, Sungai Petani diisytiharkan kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Satu dewan dengar jeritan akibat rasa takut dengan ujian calitan tekak dan hidung ketika itu.

Lain pula adiknya yang kelihatan bersahaja, hanya mengambil masa beberapa minit sudah selesai ujian calitan, diakhiri senyum mekar di bibir.

Tapi, pengalaman hampir 10 kali menjalani ujian calitan dan kerap melalui tempoh kuarantin akibat kontak rapat membuatkan anak-anak sudah membiasakan diri bagaimana untuk berdepan situasi Covid-19.

Alhamdulillah, anak sulung penulis mula belajar melalui adiknya bagaimana berhadapan situasi cemas sehingga membuatkannya lebih tenang sepanjang tempoh menunggu divaksin.

Lega. Itulah yang boleh digambarkan oleh seorang ibu apabila kedua-dua anak penulis hanya mengalami simptom ringan lenguh di bahu dan hilang beberapa hari selepas suntikan. Kedua-duanya kini telah lengkap menerima vaksin.

Bagi penulis, ini adalah ikhtiar kecil kami bagi berdepan virus jahat selain persediaan melalui fasa endemik agar kehidupan kita mampu berjalan seperti biasa selepas ini.

Buat ibu bapa di luar sana, masih belum terlambat untuk meluangkan sedikit masa dalam tempoh berbaki tiga hari ini.

Beri peluang anak anda mendapatkan vaksin, menguatkan imuniti badan dan mematuhi saranan kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) agar kita sama-sama kembali membentuk keluarga sihat dan sejahtera.

** Siti Zubaidah Zakaraya ialah Wartawan Sinar Harian*

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 19**
**RUANGAN : PENULARAN PENYAKIT TANGAN, KAKI DAN MULUT**

# Kes HFMD meningkat di Pulau Pinang

Berbanding hanya 219 kes dilaporkan pada Januari hingga Disember tahun lalu

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN

GEORGETOWN

Jabatan Kesihatan Pulau Pinang merekodkan sebanyak 959 kes penyakit tangan kaki dan mulut (HFMD) sejak awal tahun ini.

Exco Kesihatan, Agroteknologi dan Keselamatan Makanan dan Pembangunan Luar Bandar, Dr Norlela Ariffin berkata, pada minggu epid ke-18, sebanyak 959 kes dicatatkan berbanding hanya 219 kes dilaporkan pada Januari hingga Disember tahun lalu.

"Sebanyak 959 kes dilaporkan sehingga hari ini dan kita dapati ada peningkatan jumlah kes berbanding tahun lepas di mana hanya 219 kes dilaporkan pada Januari hingga Disember lepas," katanya ketika dihubungi di sini pada Rabu.



NORLELA

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah sebelum ini memaklumkan kes jangkitan HFMD di negara ini menunjukkan peningkatan 12.8 kali ganda sehingga ME 17/2022, berbanding tempoh sama tahun lalu.

Katanya, sebanyak 22,463 kes HFMD dilaporkan di seluruh negara sepanjang tempoh itu berbanding 1,752 kes bagi ME 17/2021.

Sehingga kini, sejumlah 767 kes dilaporkan di negara ini dengan tiga negeri mencatat kes tertinggi iaitu Kuala Lumpur dan Putrajaya sebanyak 259 kes (33.7 peratus) diikuti Selangor dengan 100 kes (13.0 peratus) dan Perak dengan 98 kes (12.8 peratus).

HFMD banyak berlaku dalam kalangan kanak-kanak berusia antara bayi kurang setahun hingga enam tahun iaitu sebanyak 21,508 kes (96 peratus) diikuti kumpulan usia antara tujuh hingga 12 tahun iaitu 729 kes (3 peratus) dan selebihnya dalam lingkungan usia lebih 12 tahun.




Laporan *Sinar Harian* pada Rabu.




## Penyakit HFMD menular di 19 taska, tadika di Terengganu

HULU TERENGGANU - Penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD) menular di 19 taska dan tadika di Terengganu menjadikan peningkatan jangkitan kepada 782 kes yang direkodkan sehingga 5 Mei lalu.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr Kasemani Embong berkata, jumlah itu menunjukkan peningkatan mendadak sebanyak 723 peratus berbanding hanya 95 kes yang dicatatkan dalam tempoh sama pada tahun lalu.

Bagaimanapun, katanya tiada premis yang ditutup kerana keadaan masih terkawal.

"Jangkitan tertinggi berlaku di Kuala Terengganu dan Setiu dengan masing-masing merekodkan sebanyak lima kes diikuti tiga kes di Marang dan Hulu Terengganu.

"Di daerah Besut sebanyak dua kes HFMD direkodkan manakala satu kes direkodkan di Kemaman," katanya pada sidang akhbar selepas Program Gerak Gempur Cakna Ubat di Dewan Majlis Daerah Hulu Terengganu di sini pada Rabu.

Dalam perkembangan sama, Dr Kasemani meminta supaya pengurusan pusat jagaan kanak-kanak serta ibu dan bapa peka dengan situasi tersebut.



Kasemani (dua dari kanan) merasmikan Program Gerak Gempur Cakna Ubat di Dewan Majlis Daerah Hulu Terengganu di Hulu Terengganu pada Rabu.

Beliau berkata, semua pihak perlu memainkan peranan bagi mengekang jangkitan HFMD di negeri ini.

"Ibu bapa dinasihatkan supaya tidak menghantar anak-anak yang mengalami gejala ke pusat jagaan untuk mengelak ia merebak kepada kanak-kanak lain.

"Pihak taska pula disarankan untuk tidak menerima kumpulan kanak-kanak berkenaan bagi mengelak jangkitan," katanya.

Kes HFMD di seluruh negara dilaporkan melonjak 12.8 kali ganda daripada 1,752 kes kepada 22,463 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

**AKHBAR : THE STAR**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : NATION**

# Kids can still get second dose for free after deadline

**GEORGE TOWN:** Although the government has announced that free vaccination for children aged between five and 12 will end on May 15, those who have already had their first dose can still get their second dose for free after the deadline.

"However, those who do not get their first dose by May 15 will have to pay for the Sinovac vaccine at private health facilities," said state health committee chairman Dr Norlela Ariffin.

A check with CovidNow found that only 43.9% of children aged five to 12 have received their first dose, while 26.6% have received their second.

In Penang, only 49.5% of eligible children have received their first dose, and 37.7% have received their second.

The Health Ministry had announced that parents of unvaccinated children aged five to 12 would have to pay for the jabs after May 15.

Minister Khairy Jamaluddin said with the National Immunisation Programme for Children (PICKids) ending on Sunday, the government could not afford to extend the deadline due to the expiry date of the vaccine stock.



**Junior protection:** Seven-year-old Muhamad Aidi Amshyar receiving his second dose at the Tapak Ekspo vaccine centre in Seberang Jaya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : STORY OF THE DAY / NEWS

PANDEMIC WATCH

# Covid-19 daily admissions climb to 586

**KUALA LUMPUR:** Covid-19 daily admissions jumped to 586 on Tuesday from 481 the previous day.

Up to May 10, 13 per cent of hospital beds allocated to Covid-19 cases were occupied. Overall, 62.3 per cent of normal beds are being used for both Covid-19 and non-Covid patients.

Of the 586 cases logged on Tuesday, 206 were in the Klang Valley, 138 in Johor, 77 in Sabah, 54 in Sarawak, 27 in Kedah, 26 in Perak, 16 in Kelantan and 10 in Perlis. Seven cases each were recorded in Melaka and Penang, six each in Negri Sembilan and Terengganu, five in Pahang and one in Labuan.

In terms of bed utilisation, Melaka had the highest rates with 75.9 per cent of beds occupied. It was followed by Terengganu (74.2 per cent), Kedah (72.9 per cent), Johor (72.8 per cent) and Kelantan (70.6 per cent).

New cases continued to climb; 2,605 cases were recorded on Tuesday. This brought the infection tally to 4,463,740 since the pandemic began two years ago.

Of the new cases, four were imported.

Meanwhile, 2,014 people recovered from the coronavirus, with the total number of recoveries now at 4,405,197.

Active cases increased slightly to 22,953 on Tuesday.

A majority of patients were observing home quarantine, with 1,250 receiving treatment in hospitals, and 24 placed at Covid-19 quarantine and treatment centres. Some 67 patients are warded in intensive care units.

Six people died from Covid-19 on Tuesday. These included three brought-in-dead cases.

Meanwhile, nearly a million children aged 5 to 11 have received two doses of the Covid-19 vaccine under the Covid-19 National Immunisation Programme for Children (PICKids). A total of 1,569,286 or 44.2 per cent of the child population have received at least one dose of the vaccine.

As for the adult population, 68.2 per cent have received the booster shot.

*Page 1 pic: Commuters disembarking from a train at the Pasar Seni light rail transit station in Kuala Lumpur yesterday.*



*Children waiting to get a Covid-19 shot at a vaccination centre in Seberang Jaya, Penang, yesterday.* PIC BY DANIAL SAAD

**AKHBAR : THE SUN**
**MUKA SURAT : 1**
**RUANGAN : -**

No. 8023 PP 2644/12/2012 (031195) www.thesundaily.my



**SERVING WITH LOVE ...** Penang Hospital nurses joining their fingers to form heart shapes to mark International Nurses Day (IND), which is commemorated today. IND coincides with the birthday of Florence Nightingale, the founder of modern nursing. – *MASRY CHE ANI/THESUN*

**AKHBAR : THE SUN**
**MUKA SURAT : 4**
**RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS**

# Over 960,000 children fully vaccinated

**KUALA LUMPUR:** A total of 961,597 or 27.1% of children aged five to 11 in the country have been fully vaccinated under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children as of Tuesday.

According to the CovidNOW website, a total of 1,569,286 children, or 44.2%, have received at least one dose of the vaccine. For adolescents aged 12 to 17, a total of 2,899,554 or 93.2% have completed the vaccination while 2,997,051 or 96.3% have received at least one dose.

As for the adult population, 16,049,816 or 68.2% have received the booster dose, while 22,969,639 or 97.6% have completed two doses and 23,245,044 or more 98.8% have received at least one dose of the Covid-19 vaccine.

A total of 28,466 doses of Covid-19 vaccine were administered, with 9,672 first doses, 15,534 second and 3,260 booster shots, bringing the cumulative number of doses dispensed under the National Covid-19 Immunisation Programme to 70,478,577.

According to the Health Ministry GitHub portal, a total of six deaths due to Covid-19 were recorded on Tuesday, with two cases reported in Kuala Lumpur, while Selangor, Perlis, Kedah and Johor recorded one case each. – Bernama

# Nurses reflect on Covid-19 challenges

**KUALA LUMPUR:** Since March 2020, Covid-19 has put an unprecedented strain on the nation's healthcare system as large surges of intensive care unit (ICU) patients have overwhelmed hospitals.

In light of International Nurses Day, Mazura Zulkeflee, 40, the ICU ward head nurse at Hospital Sultanah Bahiyah in Alor Star, said the pandemic was one of the most challenging episodes of her nursing career, and its memories are bound to stay with her for a long time.

"As the number of cases grew, with an alarming number of patients being hospitalised, we were burnt out. Those were trying times, and I used to cry while driving to work," she said.

Nuurul Asiah Majid, 36, who served at the ICU ward of Hospital Sultan Abdul Halim in Sungai Petani, said the fact that the virus could wreak havoc and kill many, both in Malaysia and worldwide, was beyond her imagination.

Nurse Norlita Md Nor, 40, hopes Malaysians would continue to adhere to the standard operating procedures although the nation is in the transition to endemic phase.

The Hospital Sultanah Bahiyah ICU ward staff said patience is the key quality that makes a good nurse. – Bernama